

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKTI YANG KE-21
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 22-07-1998

Syukur Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, kita dapat berkumpul di sini bagi yang ke-21 kali dengan kuasa Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jarang-jarang sekali ahli penaja sesuatu organisasi itu dapat menempuh sejarah seperti ini, lebih-lebih lagi manakala ahli- ahlinya terdiri daripada isteri pemimpin politik yang biasanya kerap bertukar-ganti. Oleh itu, sungguhpun tidak tepat pada tarikh kelahirannya, yakni 16 Mei 1977, kita patut bersyukur kerana dapat meraikan usia BAKTI yang ke-21 hari ini.

2. Bagi BAKTI, yang dari asalnya bertujuan berkhidmat amal bakti kepada masyarakat yang kurang bernasib baik, kegiatan kebajikan ini tidak berubah, malahan berkembang setiap tahun mengikut rezeki BAKTI dapat mengumpul dana untuk tujuan tersebut.

3. Syukur Alhamdulillah, kerana tujuan-tujuan BAKTI terang dan nyata dan kedudukan kewangannya dan perbelanjaannya sama telus, BAKTI telah dapat meyakinkan firma-firma dan orang perseorangan bahawa BAKTI adalah suatu badan yang boleh menyalurkan sumbangan-sumbangan derma mereka kepada sasaran yang tertentu. Penderma berpuashati dapat beramal bakti, dikecualikan cukai pula daripada jumlah sumbangan derma, dan ramai kanak-kanak, orang tua, golongan yang tidak berupaya, yang sakit dan yang ingin meneruskan pendidikan mereka di sekolah- sekolah dan institusi-institusi pendidikan tinggi, dapat dibantu dengan derma itu.

4. BAKTI berkhidmat kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, keturunan dan agama. Dalam keadaan sekarang di mana ekonomi negara merosot begitu rendah sekali, BAKTI tidak boleh mengadakan majlis-majlis amal bakti seperti dahulu untuk mengutip derma mengisi tabung-tabung kebajikan dan dermasiswa. Apa yang BAKTI harapkan sekarang ialah kemurahan hati dan jasa baik korporat- korporat, firma-firma dan perseorangan yang masih menjadi rakan BAKTI selama ini menghulurkan juga seberapa banyak atau kecil sumbangan mereka kepada BAKTI.

5. BAKTI telah menerima berpuluh-puluh surat rayuan dari semua pihak. Dengan seberapa daya upaya, BAKTI melayani rayuan-rayuan ini, akan tetapi sudah tiba masanya untuk BAKTI membuat pilihan prioritinya untuk membantu masyarakat yang benar-benar tidak mampu hidup selesa.

6. BAKTI berasa banyak organisasi atau badan-badan lain yang dipertanggungjawabkan khas untuk mengutip wang daripada masyarakat perlulah bertanggungjawab sama untuk menaburkan dana itu kepada orang yang tertentu mengikut syarat-syaratnya.

7. BAKTI ingin bekerjasama dengan pihak Baitulmal dan Pejabat Zakat peringkat Pusat atau Negeri untuk BAKTI membantu menyalurkan sedikit peratus kutipan mereka kepada masyarakat Islam yang miskin, yang kurang upaya, yang sakit atau yang memerlukan persaraan hidup yang amat kecil. Dengan kerjasama seperti ini, bebanan terhadap BAKTI dikurangkan, amanah kepada Baitulmal dan Zakat dapat disempurnakan lebih cepat lagi dalam masa tahun penerimaan zakat fitrah itu dan masyarakat Islam yang daif, yang sakit dan sebagainya dapat dibantu, insya Allah.

8. Cita-cita BAKTI amatlah besar dan cita-cita ini adalah demi kebaikan masyarakat kita. Manusia mesti bercita-cita tinggi dan menggunakan akal fikiran yang dikurniakan Allah dengan sepenuhnya untuk kebaikan diri dan masyarakat.

9. Pada tahun 1951, lahirnya seorang insan di Seremban, Negeri Sembilan. Pendidikan awalnya biasa seperti anak-anak lain tetapi dengan satu perbezaan.

Insan ini berhemah tinggi. Manakala saya menyatakan 'tinggi' ia bererti betul-betul tinggi hingga ke angkasa lepas.

10. Pendidikan lanjutan membawa ia ke Otago, New Zealand di mana Ijazah BSc (Hons) didapatinya

pada 1975 dan setelah enam tahun bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Tutor dan Lecturer, beliau mendapat pula PhD.

11. Orang biasa seperti saudara-saudari dan saya melihat langit dengan bulan bintangnya sebagai ciptaan alam yang amat romatis. Tetapi anak Melayu ini melihat angkasa lepas sebagai suatu ruang yang perlu diterokai oleh rakyat Malaysia. Berhemah tinggi, setinggi bulan, beliau menubuhkan pendidikan dan kajian dalam bidang astronomi dan astrophysics dan memulakan kursus-kursus, makmal untuk siswa-siswa dan lepasan siswa-siswa di Universiti Kebangsaan Malaysia.

12. Menubuhkan suatu bidang baru khasnya mengenai astronomi dan angkasa bukanlah mudah; lebih-lebih lagi bagi seorang wanita yang mungkin dilabel sebagai romantik dan khayal sahaja melihat bulan dan bintang.

Beliau menjelajah ke seluruh negara ini untuk mendapat sokongan penuh dari semua pihak.

13. Usaha yang gigih dan jujur seringlah mendapat kejayaan dan hasil. Selain memegang jawatan sekarang sebagai Profesor Astrofisiks, UKM, beliau adalah Ketua Pengarah, Bahagian Kajian Sains Angkasa di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

14. Planetarium Kebangsaan yang tersergam di atas bukit adalah lambang seorang anak Melayu, wanita yang berhemah tinggi. Pada tahun 1996, manakala sama-sama melawat 'launching pad' Measat II satelit Malaysia yang kedua, di Kourou, French Guyana, wanita ini tidak duduk bersama dalam bilik 'viewing' menyaksikan pelancaran Measat II. Beliau dan rakan-rakan lain memilih suatu kawasan yang berdekatan dengan 'launching area' supaya bukan sahaja mendengar dan melihat sendiri satelit itu berlepas tetapi supaya berasa gegaran bumi ketika satelit itu berlepas. Kami tahu hatinya ingin berada di dalam suatu satelit ke angkasa lepas. Satu hari nanti cita-cita wanita ini akan tercapai, insya-Allah, kerana ketika ini beliau sahajalah yang layak menerokai angkasa bagi kita di Malaysia. Jika Malaysia boleh ke Gunung Everest, wanita boleh terjun ke Khutub Utara, kenapa seorang wanita Malaysia tidak boleh ke angkasa lepas? Ia boleh.

15. Sementara ia berlepas, bertuahlah BAKTI menerima sambutan baik dari beliau untuk hadir merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI pada tahun yang amat bersejarah ini. Saya, bagi pihak BAKTI, mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Othman, sebagai tetamu kehormat BAKTI, dan mengucapkan tahniah atas segala kejayaan beliau dan juga terima kasih kerana sudi merasmikan AGM Bakti dan berucap kepada kami semua.